

04/02/2003

Kempen Aman Malaysia diperluas ke Sabah

KUALA LUMPUR: Kempen keamanan sejagat anjuran lebih 1,000 pertubuhan bukan kerajaan (NGO) menerusi Perikatan Keamanan Rakyat Malaysia (Aman Malaysia) yang semakin mendapat sokongan pelbagai lapisan rakyat akan mengembangkannya ke Sabah.

Menerusi siri kedua Program Jelajah Keamanan Rakyat Malaysia ke institusi pengajian tinggi (IPT), Aman Malaysia akan mengadakan seminar, pameran mini dan perhimpunan di Universiti Malaysia Sabah (UMS) pada Khamis ini.

Penyelaras Program Jelajah Aman Malaysia, Dr Adham Baba, berkata kira-kira 300 pelajar UMS akan menyertai program yang dianjurkan bersama Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) UMS dan pentadbiran kampus itu.

Katanya, Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar (HEP) UMS, Prof Datuk

Dr Mohd Noh Dalimin, pakar dalam bidang fizik dan tenaga bahan akan membentangkan kertas kerja pada program berkenaan.

Ketua Program Antropologi dan Sosiologi Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Dr Kamaruddin Md Said, pakar dalam bidang pertikaian sosial pula akan memupuk kesedaran mengenai isu keamanan dunia di kalangan pelajar.

Program setengah hari itu juga turut mendapat suntikan minda Naib Canselor UMS, Prof Datuk Seri Panglima Abu Hassan Mohd Dahan yang akan merasmikannya.

"Tujuan utama program jelajah IPT ini adalah untuk memupuk kesedaran tinggi di kalangan pelajar mengenai keamanan sejagat dan perlunya usaha menghentikan perang dan mengharamkan senjata pemusnah besar-besaran secara bersepadu dan berkesan," kata Dr Adham.

Beliau berkata, pembabitan golongan muda, terutama pelajar IPT sangat kritikal kerana generasi pelapis itu bakal mewarisi negara dan dunia.

"Semua pelajar IPT dan sekolah menengah perlu tampil dalam inisiatif keamanan sejagat yang komprehensif, adil dan berkekalan untuk mewarnai masa depan mereka sendiri," katanya.

Dr Adham juga berkata, sokongan pelajar Universiti Malaysia (UM), Kolej Universiti Teknologi Malaysia (KUSTEM), beberapa IPT Swasta (IPTS) dan NGO

pelajar sejak kebelakangan ini amat menggalakkan.

Beliau berkata, beberapa IPTS turut memberikan sokongan bermakna dengan melaksanakan Kempen Sejuta Tandatanganan di kampus masing-masing.

Antaranya, Institut Teknologi Tun Abdul Razak (ITTR) dan (PTPTL). IPTS berkenaan kini meluaskan kempen ke seluruh kampus cawangannya, termasuk di Pantai Timur.

"Sebagai tanda sokongan jitu dan berkesan, pelajar IPT akan turut bersama dalam Perhimpunan Keamanan Rakyat Malaysia yang bakal diadakan

di

Stadium Nasional Bukit Jalil pada 23 Februari ini," katanya.

Pada perhimpunan itu, sekurang-kurangnya sejuta tandatangan rakyat Malaysia akan diserahkan bersama memorandum keamanan sejagat kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk dihantar kepada Sidang Kemuncak Pergerakan Negara-Negara Berkecuali (NAM).

Dr Adham berkata, selain pelajar dan ahli 1,034 NGO yang kini bersama Aman Malaysia, beberapa artis dan budayawan dijadualkan menjayakan perhimpunan rakyat itu.

Sehingga kini, beberapa artis terkemuka, termasuk Siti Nurhaliza, Siti Sarah dan Kumpulan KRU menyatakan sokongan menerusi Kempen Sejuta Tandatangan Aman Malaysia.